

01 OCT 1999

AGONG HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA TUVALU

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah, hari ini menghantar perutusan tahniah kepada Gabenor Jeneral Tuvalu, Dr Tomasi Puapua, sempena ulang tahun kemerdekaan negara itu hari ini.

Mereka mengucapkan tahniah kepada Dr Puapua dan rakyat negara itu, demikian menurut kenyataan Istana Negara hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam perutusannya kepada rakan sejawatannya Ionatana Ionatana, berkata beliau berharap dapat mengadakan kerjasama dalam bidang baru yang akan memberi manfaat kepada rakyat Malaysia dan Tuvalu, di samping meningkatkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar juga menghantar perutusan yang sama kepada Ionatana, yang juga Menteri Luar negara itu.

-- BERNAMA

HS RI